

29 MAY 2000

KERAJAAN TIDAK AKAN TERLALU TEGAS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak akan terlalu tegas berhubung dengan keputusan tidak membenarkan ketua pegawai eksekutif dalam badan kerajaan memegang jawatan lain dalam anak syarikat badan berkenaan.

"Kita akan mencari jalan bagi mengatasi masalah itu ... jika perlu kita tidak akan terlalu tegas," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Minyak dan Gas Asia kelima di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai arahan terbaru kerajaan bahawa ketua pegawai eksekutif badan kerajaan hendaklah melepaskan jawatan lain sama ada sebagai pengerusi, ketua pegawai eksekutif atau pengarah mana-mana anak syarikatnya.

Awal bulan ini, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin berkata langkah ini bertujuan meningkatkan kebertanggungjawapan dan ketelusan supaya apa-apa tindakan atau transaksi perniagaan dapat dijalankan tanpa menimbulkan persoalan daripada pihak lain.

Ketika ditanya mengenai kedudukan Pengerusi Petronas Tan Sri Hassan Marican, yang memegang jawatan lain dalam syarikat itu, Dr Mahathir berkata: "Kita akan mencari jalan untuk mengatasinya."

Beliau berkata kerajaan bersedia mendengar pandangan daripada umum termasuk media.

-- BERNAMA

ARA FAZ